

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2023

TINGKATAN 4

BAHASA MELAYU

1103/2

KERTAS 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan bagi **Soalan 8 (ii)** berdasarkan teks novel **Tingkatan 4** (Novel *Pantai Kasih*).*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan atau kertas kjang.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

1103/2

SULIT

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata kerja. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang canggih turut memudahkan orang ramai menyebarkan berita palsu dengan begitu cepat melalui media sosial. Selain itu, ketaasuban individu yang mahu menjadi ‘orang pertama’ yang menyebarkan sesuatu berita tanpa menyelidik kesahihannya juga menjadi punca penularan berita palsu. Oleh itu, setiap individu harus bertanggungjawab terhadap perkara yang dikongsikan menerusi media sosial. Hal ini bagi mengelakkan penularan berita palsu, rekaan dan fitnah.

Dipetik dan diubah suai daripada “Penularan Wabak Berita Palsu”
oleh Laupa Junus, *Dewan Masyarakat*, Jun 2020

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Nyatakan jenis ayat yang bergaris, sama ada Ayat Perintah, Ayat Penyata, Ayat Seruan, atau Ayat Tanya. Anda perlu menyalin ayat itu semula dan menyatakan jenisnya.*

“Saya ditawarkan biasiswa untuk belajar di universiti!”

“Wah, tahniah! Awak ni hebat sungguh.”

“Awak pula bagaimana? Awak dah dapat keputusannya?”

“Saya tidak senasib dengan awak.”

“Tentu ada peluang lain nanti. Janganlah sedih sangat.”

Setiap kali Aiman membaca mesej perbualannya dengan Ganesh, perasaan kesal menyerbunya.

‘Macam mana ni? Nak belajar pun tak ada modal. Nasib, nasib,’ keluhnya sendirian.

Dipetik dan diubah suai daripada

‘Terima Kasih, Ayah’,

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, 2019

[4 markah]

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senarai dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

Bahan 1

Bahasa memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat dan tidak boleh dipandang sambalewa. Bahasa untuk mudah difahami serta boleh masyarakat tuturkan seperti bahasa Melayu mampu menjadi bahasa perpaduan negara. Hal ini dapat dilihat sejak negara dicapai kemerdekaan sehingga kini. Pembangunan dan kemajuan yang semporna dalam kehidupan masyarakat semuanya bermula daripada penggunaan bahasa Melayu di negara ini. Oleh hal yang demikian, tindakan bahasa yang paling penting adalah dalam mengerat perpaduan kaum di Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bahasa dan Budaya Mengeratkan Perpaduan Masyarakat'

oleh Aminudin Mansor,
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022

[6 markah]

Bahan 2

Media sosial memainkan peranan penting untuk mempengaruhi perkembangan bahasa dalam kalangan warga maya waktu masa ini. Hal ini dikatakan demikian kerana keupayaan media sosial mensebarkan maklumat dengan cara yang pantas, terkini dan sukar menjadi ikutan, telah melangkaui sempadan negara dan benua. Tuntasnya, media sosial adalah merupakan pelantar digital terbaik dan berupaya memberikan sumbangan yang besar terhadap perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sekiranya tidak disalah gunakan. Dalam hal ini, rasa tanggungjawab dalam kalangan warga maya penting untuk memastikan perkembangan bahasa yang baik dapat disebarkan di kalangan masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pengaruh Media Sosial terhadap Perkembangan Bahasa'

oleh Hasrina Baharum,
Pelita Bahasa, Bil. 11/2022

[7 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka Laksamana pun menyuruh membawa segala senjata yang banyak-banyak itu, lembing dan tombak dan kayu. Maka diatur oleh Laksamana berkeliling istana itu. Maka dibubuhnya suatu hikmat, radak-meradak dan tetak-menetak sama sendirinya dan kayu itu pun palu-memalu, terlalu gemuruh bunyinya.

Maka hari pun malamlah. Maka Laksamana pun memakai serba hitam lalu berjalan.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'

Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,

Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan **senaraikan dua peribahasa** yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian berikan peribahasa lain yang **sama maksud** atau **hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Dewi : Minggu lepas, saya dan Siew Lan ke tempat perkelahan yang berhampiran dengan rumah saya. Keadaannya agak mendukacitakan.

Zikri : Betulkah begitu, Siew Lan?

Siew Lan : Betul, Zikri. Peribahasa ada mengatakan, tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata.

Zikri : Aduhai, sungguh tak sangka! Janganlah kita menjadi seperti kera mendapat bunga.

Dewi : Ya, kesedaran tentang penjagaan tempat awam perlu bermula dari rumah. Ibu bapa perlu menjadi contoh kerana bapa borek, anak rintik.

Dipetik dan diubah suai daripada

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4

Dewan Bahasa dan Pustaka

[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pada tahun 2020, dunia telah mengalami gelombang krisis pandemik yang telah mengubah kehidupan seluruh masyarakat. Hasil kajian sepasukan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), didapati bahawa 80.5 peratus rakyat Malaysia mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai isu COVID-19, walaupun terdapat sedikit kekeliruan informasi mengenai virus itu yang boleh merebak melalui udara. Pengetahuan masyarakat tentang bahaya wabak ini dapat membantu mengurangkan kes jangkitan. Dalam proses menerapkan norma baharu dalam mengatasi wabak ini juga, orang ramai disarankan *mematuhi panduan 3C dan 3W* kerana Kita Jaga Kita. Antara langkah yang boleh diambil adalah mengelakkan diri mengunjungi tempat yang penuh sesak (*crowded place*), tempat yang terhad (*confined space*) dan mengelakkan mengadakan perbualan jarak dekat (*close conversation*). Selain itu, masyarakat perlu mengamalkan amalan membasuh tangan (*wash*), memakai pelitup separuh muka (*wear*) dan mematuhi amaran dari Kementerian Kesihatan Malaysia yang lebih berkonsep peringatan (*warn*).

Dipetik dan diubah suai daripada

“Pengetahuan, Sikap dan Amalan rakyat Malaysia terhadap COVID-19”

Bahan 2

SIAPA BERISIKO TINGGI MENDAPAT KOMPLIKASI AKIBAT JANGKITAN VIRUS INFLUENZA

GOLONGAN BERISIKO	LANGKAH PENCEGAHAN
✓ Kanak-kanak berumur bawah 5 tahun ✓ Wanita hamil ✓ Warga tua 65 tahun ke atas ✓ Pesakit kronik (Contoh: kencing manis, darah tinggi, lelah & lain-lain) ✓ Individu yang mempunyai daya ketahanan badan yang rendah samada akibat penyakit kronik yang dihidapi (seperti pesakit kanser, HIV dan lain-lain) atau akibat ubatan yang diambil (seperti kemoterapi, steroid dan lain-lain) ✓ Individu obes	  Dapatkan vaksin influenza yang ditawarkan oleh kebanyakan fasiliti kesihatan swasta  Tutup mulut dengan tisu / sapu tangan apabila batuk atau bersin  Guna penutup mulut dan hidung  Kerap cuci tangan

SEGERA DAPATKAN RAWATAN JIKA GEJALA JANGKITAN MENJADI BERTAMBAH TERUK

Sumber : Portal Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud frasa *mematuhi panduan*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **bahan 1 dan bahan 2**, nyatakan langkah-langkah pencegahan yang boleh diamalkan untuk mengelakkan diri daripada penyakit berjangkit.
[3 markah]
- (iii) Langkah-langkah membendung penularan wabak COVID-19 memerlukan penguatkuasaan undang-undang yang giat oleh pihak kerajaan.
Pada pendapat anda, mengapakah penguatkuasaan undang-undang tersebut perlu dilakukan? [3 markah]
- (iv) Kempen Gaya Hidup Sihat yang dilancarkan oleh pihak kerajaan gagal mencapai matlamatnya kerana kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat terutamanya remaja.
Sekiranya anda pemimpin negara, apakah perkara-perkara yang akan anda lakukan untuk memastikan kempen tersebut berjaya mencapai matlamatnya? [4 markah]

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

“Akmal beruntung. Kerana tak hidup dalam zaman penjajah seperti tok,” ujarnya lagi. “Walaupun saya lahir sebagai generasi merdeka namun saya dapat bayangkan betapa peritnya hidup yang dialami rakyat pada waktu itu,” ulasku pula sebaliknya.

“Memang benar, Akmal! Angguk datuk dengan pantas. “Rakyat ditindas. Tenaga dikerah. Segala kekayaan hasil bumi mereka kaut. Kemiskinan dan penderitaan hidup berleluasa. Cubalah Akmal bayangkan. Kalau Akmal hidup pada waktu itu,” sambungnya lagi.

“Nikmat kemerdekaan yang ada sekarang perlu dipertahankan,” kataku. “Janganlah hendaknya negara kita dijajah semula. Sebab itulah pentingnya dalam diri kita mempunyai semangat cinta dan rasa kesetiaan terhadap negara!” ucap datuk dengan penuh bersemangat sekali.

“Dalam pada itu, jangan sesekali kita lupa akan jasa dan pengorbanan pejuang-pejuang terdahulu. Membebaskan negara ini daripada cengkaman penjajah,” tambahku pula.

Dipetik dan diubah suai daripada *Cerpen “Pesan Datuk Padaku”*

oleh Azaiza SR

Bahan 2

Tatkala bom pertama meledak, diikuti oleh rentetan dentuman meriam serta serangan kapal terbang, seluruh ketenangan hidup warisan moyang-poyang kami terasa tersentak pergi dan terlucut begitu saja daripada genggaman. Sebaik-baik saja perang pecah pada tahun 1941 dan Jepun masuk, keadaan jadi berkecamuk. Suasana kehidupan kampung dipegap ketakutan. Namun kami bersyukur atas dua perkara. Pertama, kampung kami terpencil, maka jarang-jaranglah dihendap oleh Jepun. Garisan perang pula tidak melintang di atas tanah kami, maka itu, tiada sorang pun antara kami yang pernah diratah atau dirobek peluru. Kedua, kami bersyukur kerana kacau-bilau zaman Jepun menyedarkan kami betapa hinanya hidup terjajah.

Seminggu sebelum Jepun tiba, Tuan Booth sudah berundur. Kami nampak keretanya menyusur pergi merentasi jalan kampung. Isterinya *sugul sekali*. Anak perempuannya yang berusia sekitar sepuluh tahun itu merengkuh di tingkap kereta sambil tersenyum hambar.

Dipetik daripada Cerpen Cinta Ahmad Mutawakkil
Antologi *Sejadah Rindu*, Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 2** berikan maksud *sugul sekali*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2** nyatakan kesan-kesan peperangan kepada masyarakat. [3 markah]
- (iii) Keamanan dan kemerdekaan merupakan sesuatu nikmat sangat penting dalam kehidupan manusia dan menjadi tanggungjawab bersama untuk mengekalkannya.
Pada pendapat anda, apakah peranan anggota masyarakat dalam memastikan keamanan negara kekal terpelihara? [4 markah]
- (iv) Generasi kini semakin melupakan jasa dan pengorbanan pejuang-pejuang terdahulu membebaskan negara ini daripada cengkaman penjajah.
Sebagai pelajar yang prihatin, cadangkan tindakan-tindakan yang dapat diambil oleh pihak sekolah untuk memastikan pelajar-pelajar tidak melupakan jasa pengorbanan para pejuang negara. [4 markah]

8 *Jawapan bagi soalan yang berikut hendaklah berdasarkan novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bagi Mak Milah itu bukanlah kali pertama melihat suaminya bercakap mengenai Kesultanan Melayu Melaka yang pernah menjadi kebanggaan orang Melayu itu. Sudah banyak kali diperkatakannya. Suaminya bagaikan sengaja mengulang-ngulang cerita itu supaya tidak luput daripada ingatannya. Bukan di rumah sahaja dia bercerita, malah apabila ada kesempatan, dia selalu menceritakannya kepada penduduk kampung itu terutama anak-anak muda.

Menurut Pak Saidi, punca keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka adalah kerana orang Melayu tidak lagi bersatu. Para pemimpin pula berebut kuasa. Fitnah dan adu domba berleluasa. Pahlawan Hang Tuah difitnah. Bendahara Tun Mutahir dihukum bunuh dan akhirnya Sultan Mahmud hilang takhta dan menjadi pelarian.

Dipetik daripada Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa,

Karya Abdul Latip bin Talip,

Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan punca-punca keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka pada masa dahulu.

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, huraikan **dua peristiwa** yang dapat dijadikan contoh kepada pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Zaman dahulu robot hanyalah sekadar mesin. Kini, kita menyaksikan robot dapat bertindak mengikut arahan yang disambungkan kepada sistem yang membolehkannya berfungsi dengan robot lain. Lebih tepat lagi, penggunaannya bersangkut paut dengan keupayaan Internet. Pengeluaran barangan dan perkhidmatan menjadi lebih cekap apabila semua urusan dilakukan melalui Internet.

Terdapat banyak kelebihan penggunaan robot dalam kehidupan seharian manusia. Antaranya ialah penggunaan robot sebagai pengesan dalam pertanian bukan sahaja mampu menentukan keadaan cuaca, malahan berupaya memaklumkan jumlah air yang diperlukan oleh tanaman. Robot ini kemudiannya memaklumkan data tersebut kepada robot lain. Selain itu, robot ini pula akan menghasilkan nutrien tertentu mengikut bacaan robot pengesan tadi bagi menjadikan tanaman lebih terpelihara dan lebih hebat apabila tindakan ini dilakukan setiap saat tanpa henti dalam setahun.

Dalam bidang perubatan pula, penggunaan robot berupaya untuk mempercepat proses rawatan. Dalam bidang ini, robot membantu manusia untuk menganalisis dan mendiagnosis pelbagai jenis penyakit seperti pertumbuhan kanser. Robot juga berguna untuk membantu doktor menjalankan operasi pembedahan dalam bahagian tubuh manusia yang sensitif dan sukar dilakukan dengan tangan.

Selain itu, penggunaan robot turut membawa kepentingan dalam ketenteraan dan menjaga keselamatan negara. Kemajuan teknologi dalam bidang robotik boleh membantu tentera mengesan bom, periuk api, dan sebagainya. Di samping itu, robot juga memainkan peranan penting sebagai agen perisikan dan mengesan segala pergerakan yang dirancang oleh musuh. Oleh yang demikian, keselamatan negara lebih terjamin daripada pencerobohan.


Banyak lagi tugas manusia yang boleh dilakukan oleh robot dengan lebih efektif. Manusia boleh memanfaatkan penggunaan robot untuk pelbagai tujuan. Robot

boleh mengambil alih tugas manusia sebagai pekerja kilang, pembantu rumah, penghibur dan sebagainya. Tidak mustahil suatu masa nanti, manusia akan terlalu bergantung pada robot dalam kehidupan. Robot akan ada di mana-mana untuk membantu manusia menjalankan tugas dalam pelbagai rutin kehidupan.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Zaman Robot'

Buku teks Tingkatan 4 halaman 67

Bahan 2



KERTAS SOALAN TAMAT